

23 MAY 2002

Mahathir-Buruh/I

TENAGA KERJA BERPENDIDIKAN BANTU KEKAL DAYA SAING M'SIA, KATA PM

Oleh: Amin Husaini Harun

SEOUL, 23 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa tenaga kerja yang berpendidikan, berdisiplin dan produktif telah membantu Malaysia untuk terus menikmati daya saing dalam sektor pembuatan.

Berucap kepada ahli perniagaan Korea di sini, beliau berkata ditambah dengan asas kukuh industri-industri sokongan dan infrastruktur sangat baik, Malaysia telah berjaya dalam mengetepikan persaingan daripada negara-negara yang kos buruhnya lebih murah.

Bagi memastikan Malaysia terus menjadi tapak pelaburan pilihan, beliau berkata kerajaan Malaysia sentiasa memperbaiki dasar-dasar dan insentif pelaburan bagi pelabur asing.

"Kerajaan juga akan terus menyediakan sokongan pentadbiran yang penting bagi memudahkan pelaburan asing di bidang-bidang tertentu," katanya pada jamuan tengah hari yang dianjurkan oleh empat persatuan perniagaan Korea.

Persatuan berkenaan ialah Persekutuan Industri Kecil dan Sederhana Korea, Persekutuan Industri-industri Korea, Dewan Perniagaan dan Industri Korea dan Persatuan Perdagangan Antarabangsa Korea.

Dr Mahathir memberikan jaminan kepada para pelabur bahawa kerajaan akan terus mengekalkan persekitaran dan asas ekonomi yang stabil dan kukuh bagi menyediakan kestabilan dan jangkaan bagi keputusan perancangan dan pelaburan.

"Kestabilan kadar tukaran asing pada 3.8 ringgit Malaysia bagi setiap Dollar US juga akan menyumbang kepada jangkaan dan memudahkan perancangan," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata Malaysia berhasrat untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di Asia Tenggara dengan penekanan diberikan bagi penubuhan universiti-universiti swasta yang baru dan perluasan kapasiti institusi pengajian tinggi berkenaan.

Universiti-universiti asing berwibawa dari Amerika Syarikat, Britain dan Australia telah mewujudkan kampus cawangan dan program berkembar di Malaysia, kata beliau.

Dr Mahathir mempelawa institusi pengajian tinggi Korea untuk mengambil bahagian dalam peranan penting itu dalam menggalakkan pendidikan tinggi dan pembangunan sumber manusia di Malaysia.

"Bagi tujuan itu, kerjasama antara institusi pengajian tinggi Malaysia dan Republik Korea boleh diterokai dan dipertingkatkan.

"Pelajar Korea Selatan juga dipelawa untuk memanfaatkan peluang-peluang pendidikan di Malaysia. Kini terdapat hampir 20,400 pelajar asing yang belajar di Malaysia dan daripada jumlah itu seramai 579 orang adalah dari Korea Selatan," kata Dr Mahathir.

Mengenai perdagangan dua hala, Perdana Menteri berkata Korea kini merupakan rakan perdagangan kelapan terbesar, pasaran eksport kesembilan terbesar dan sumber import keenam terbesar Malaysia.

Korea kini menyumbang 3.7 peratus jumlah keseluruhan perdagangan Malaysia, bernilai sebanyak US\$ 5.9 bilion dengan sebahagian besar perdagangan dua hala sekarang ialah produk elektrik dan elektronik dan komponen.

"Ia juga merupakan pembeli terbesar petroleum mentah dan gas asli Malaysia serta pembekal penting kapal, bot dan kenderaan bermotor kepada Malaysia.

"Saya percaya terdapat skop yang luas bagi memperluaskan dan

mempelbagaikan perdagangan dua hala," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata kesemuanya terdapat 114 syarikat dengan kepentingan Korea di Malaysia, di antara syarikat terkemuka ialah Samsung, Hyundai, Kiswire, Sunkyong, Ssangyong, Halla, SJM Co Ltd dan Samlong Chemical.

Perdana Menteri berkata pelaburan oleh Kumpulan Samsung sahaja menyumbang kepada US\$1 bilion dan ini mewakili satu daripada pelaburan terbesar luar pesisir bagi Kumpulan itu. Ini adalah bukti akan sokongan persekitaran bagi para pelabur asing di Malaysia, kata Perdana Menteri.

"Adalah sesuatu yang mengembirakan untuk melihat pelabur-pelabur Korea seperti Samsung terus komited dalam pelaburan mereka di Malaysia untuk bertahun-tahun lamanya dan terus memperluaskan dan mempelbagaikan pelaburan mereka di negara itu," katanya.

Perdana Menteri berkata oleh kerana pelaburan besar-besaran oleh pelabur Korea di Malaysia telah memberikan hasil yang memuaskan pada mereka, mereka dan pelabur yang baru, termasuk industri kecil dan sederhana (IKS) dipelawa untuk menerokai peluang pelaburan lain di Malaysia.

Katanya Malaysia berhasrat untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan dari Korea dalam bidang-bidang seperti elektrik dan elektronik, industri berkaitan IT, industri berasaskan sumber, industri sampingan dan bantuan dan pembuatan jentera dan alat ganti perusahaan.

Dr Mahathir berkata agensi-agensi kerajaan Malaysia seperti Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Smidec) dan Perbadanan Perniagaan Kecil Korea sedang bekerjasama rapat bagi membangunkan kerjasama industri antara IKS kedua-dua negara.

Beliau berkata usaha kerjasama itu perlu ditingkatkan lagi dan membawa kepada projek-projek manfaat bersama dan beliau turut menggesa IKS Korea menjalin kerjasama pelaburan dengan IKS Malaysia dalam industri sokongan utama.

Perdana Menteri juga menggesa sektor ICT Malaysia dan Korea mengkaji kemungkinan mengadakan kerjasama bagi manfaat bersama kerana kedua-dua negara sedang berusaha mencapai daya saing saintifik dan teknologi dalam bidang terpilih yang setanding dengan negara-negara maju.

Bagi tujuan itu, beliau berkata Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Malaysia dan Korea Institute of Multimedia Contents and Software (KOMS) telah bekerjasama dalam membangunkan sektor ICT.

"Saya berharap ini akan membawa kepada penyertaan lebih banyak syarikat Korea dalam MSC (Koridor Raya Multimedia) dan bahawa mereka akan mendapat manfaat daripada kedudukan unik Malaysia sebagai pusat teknologi maklumat dan multimedia di rantau Asean," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata kedudukan Malaysia di rantau Asean menawarkan peluang yang unik kepada masyarakat peniaga Korea dan Malaysia untuk menjalin usahasama strategik untuk memanfaatkan potensi-potensi perdagangan dan pelaburan yang luas di rantau itu.

Mengenai pelancongan, beliau berkata Malaysia menerima 66,343 ketibaan pelancong dari Korea Selatan walaupun angkanya menurun berbanding jumlah ketibaan yang direkodkan pada 2000 iaitu sebanyak 72,443. "Saya berharap lebih ramai pelancong dari Korea akan melawat Malaysia bagi percutian, golf dan membeli-belah terutamanya barangan import dan berjenama bebas cukai," katanya.

Perdana Menteri turut melahirkan penghargaan kepada kerajaan Korea bagi sokongan padunya dan komitmen dalam menjayakan pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur yang diperkenalkan pada 1983. Program itu kini di peringkat fasa ke-6.

Setakat ini, 2,243 rakyat Malaysia telah menjalani latihan industri dan teknikal dalam kilang, pendidikan teknikal dan akademik, pembangunan eksekutif, penyertaan program pertukaran belia dan menghadiri kursus

latihan jangka pendek di Korea.

Dr Mahathir menggambarkan program berkenaan sebagai penting bagi pembangunan sumber manusia Malaysia bagi mencapai wawasannya untuk menjadi negara maju menjelang 2020.

Pada majlis jamuan tengah hari itu, Dr Mahathir turut menyaksikan majlis menandatangani tujuh Memorandum Persefahaman (MoU) antara lima syarikat Malaysia dan lapan rakan kongsi dari Korea dalam pelbagai bidang.

Empat daripadanya ialah antara Matrade dan Persatuan Perdagangan Antarabangsa Korea, Naza Kia Sdn Bhd dan KIA Motors Corporation, Telekom Malaysia Berhad dan KT Corporation dan antara Phytes Biotek Sdn Bhd dan Dae Seoung Trading Company.

Syarikat Malaysia, Innobiologies Sdn Bhd menandatangani tiga lagi MoU. Ia ditandatangani dengan LG Chen Investment Ltd, Hanyang University, dan secara bersama dengan Pangen Biotech and Amersham Biosciences Ltd.

-- BERNAMA

AHH AHH RHM